

## **MCMC Gesa Semua Pihak Lindungi Kanak-Kanak Dalam Talian**

Seminar Asean 2017 Mengenai Perlindungan Kandungan Dalam Talian Kepada Kanak-Kanak telah dianjurkan oleh MCMC baru-baru ini dan disertai lebih 200 peserta yang terdiri daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), agensi kerajaan, pemain-pemain industri telekomunikasi dan wakil daripada Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU). Seminar ini diharap menjadi pemangkin usaha menubuhkan majlis perlindungan kanak-kanak dalam talian peringkat ASEAN, sejajar dengan Kerjasama Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) ASEAN 2018.

### **1. Apakah antara bentuk ancaman dan permasalahan yang sering dihadapi semasa dalam talian, terutama sekali untuk kanak-kanak?**

Rakyat Malaysia berusia bawah 18 tahun merangkumi 5.8 peratus atau 1.8 juta daripada pengguna internet di negara ini.

Sifat Internet yang mudah dicapai tanpa sempadan memberi banyak manfaat sosial dan pendidikan kepada kanak-kanak, namun begitu ia juga mengundang risiko terhadap keselamatan mereka dalam talian.

Antara bentuk ancaman dan permasalahan yang dihadapi adalah:

- Pemangsa dalam talian
- Sexting
- Buli siber/gangguan
- Kandungan sumbang, lucah, mengancam, dan palsu
- Ketagihan Internet
- Kecurian identiti

### **2. Bagaimanakah MCMC menangani permasalahan ini?**

Kawal selia sendiri, melalui disiplin dan pemantauan, merupakan pengawalan yang paling berkesan dalam memastikan keselamatan semasa berada dalam talian. Setiap unit keluarga haruslah sentiasa memainkan peranan untuk memastikan penggunaan Internet yang selamat dan positif, terutamanya apabila kanak-kanak didedahkan dengan teknologi pada usia muda.

Selain daripada usaha advokasi berterusan melalui program Klik Dengan Bijak, MCMC dengan kerjasama pembekal-pembekal perkhidmatan Internet telah mengambil inisiatif mewujudkan perisian atau aplikasi kawalan ibu bapa (*parental control*). Perisian atau aplikasi kawalan ibu bapa merupakan konsep kawal selia sendiri bagi membolehkan ibu bapa melindungi kanak-kanak khususnya daripada terdedah kepada risiko-risiko negatif Internet.

MCMC menjalin usaha sama dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan Kementerian Pendidikan bagi melaksanakan inisiatif berkenaan perlindungan kanak-kanak dalam talian. Selain itu, MCMC turut bekerjasama dengan pemegang taruh yang berkenaan seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; Polis Diraja Malaysia; Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU); Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNICEF); Digi Cybersafe dan Generasi Gemilang.

### **3. Apakah peranan yang boleh dimainkan oleh masyarakat?**

Masyarakat perlu memainkan peranan dengan bersikap lebih prihatin dan mengambil tahu apa yang anak-anak mereka lakukan di Internet. Kita tidak boleh meletakkan kepercayaan 100 peratus kepada anak-anak sebaliknya perlu memainkan peranan terutama memantau kandungan dan laman web yang dilayari mereka. Memberi pendedahan mengenai Internet kepada anak-anak adalah bagus namun ia perlu dikawal.

Dalami selok-belok penggunaan peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta Internet untuk membantu mereka lebih memahami risiko-risiko semasa dalam talian. Laporan kepada pihak moderator laman web sekiranya sebarang penyalahgunaan dikesan.